Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Januari 2020. Pelarasan ini merupakan langkah awalan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan harga yang stabil.**

OPR kekal akomodatif

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan November 2019. Pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Januari 2020 baru-baru ini, MPC menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Oleh itu, kadar koridor tertinggi dan terendah bagi OPR masing-masing diturunkan kepada 3.00% dan 2.50%. Pelarasan OPR itu merupakan langkah awalan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan harga yang stabil.

Dalam penilaian MPC, ekonomi global dijangka terus berkembang pada kadar yang sederhana. Penunjuk terkini dan pertikaian perdagangan yang semakin reda baru-baru ini menunjukkan aktiviti perdagangan global menjadi bertambah baik. Pelonggaran dasar monetari merentas ekonomi utama pada separuh kedua tahun 2019 telah membantu melegakan keadaan kewangan dan langkah ini dijangka terus menyokong aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, masih wujudnya risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih rendah disebabkan oleh ketegangan geopolitik dan ketidakpastian dasar di beberapa buah negara. Hal ini boleh mengakibatkan mendadaknya semula keadaan volatiliti di pasaran kewangan sekali gus menjejaskan prospek pertumbuhan global.

MPC menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 akan terus disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Namun begitu, masih wujud risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah. Risiko ini termasuk ketidakpastian tentang pelbagai rundingan perdagangan, risiko geopolitik, pertumbuhan yang lebih rendah daripada jangkaan bagi rakan-rakan perdagangan utama Malaysia, volatiliti pasaran kewangan yang ketara, dan faktor-faktor dalam negeri termasuk kelemahan dalam sektor komoditi dan kelewatan pelaksanaan projek.

MPC membuat penilaian bahawa purata inflasi keseluruhan pada tahun 2020 dijangka lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana. Trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung pada perkembangan harga minyak dan harga komoditi sedunia serta masa pemansuhan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik. Inflasi asas pada amnya dijangka stabil mencerminkan kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

Impak wabak koronavirus terhadap prestasi ekonomi akan bergantung pada keseriusan dan tempoh masa penularan wabak. Perkembangannya yang kian berubah turut memerlukan pemantauan yang berterusan.

Sorotan dasar lain pada suku keempat 2019

Sorotan dasar	Keperluan penting
Kenali-Pelanggan-Anda secara Elektronik (*Electronic Know-Your-Customer*, e-KYC) – Draf Dedahan	• Draf dedahan yang diterbitkan pada 16 Disember 2019 ini menetapkan keperluan yang dicadangkan bagi perlaksanaan e-KYC untuk pendaftaran pelanggan institusi kewangan. • Keperluan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menggalakkan: o Pendaftaran pelanggan secara digital berjalan dengan selamat dan terjamin; o Kos pendaftaran pelanggan bagi pengguna dan penyedia perkhidmatan menjadi lebih rendah; dan o Peningkatan inovasi dan penawaran perkhidmatan kewangan digital yang lengkap sepenuhnya kepada pengguna. • Dokumen dasar yang muktamad dijangka diterbitkan pada tahun 2020.
Layanan yang Adil bagi Pengguna Kewangan – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar ini diterbitkan pada 6 November 2019 untuk menggalakkan layanan yang adil dan amalan yang profesional dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service provider*, FSP). • Dokumen dasar ini menetapkan harapan supaya institusi kewangan melayan pelanggan mereka secara adil dengan memastikan, antara lain, bahawa mereka– o tidak dikenakan terma kontrak yang berat sebelah; o diberikan maklumat yang jelas, relevan dan tepat pada masanya serta nasihat yang sesuai untuk memudahkan mereka membuat keputusan; dan o menerima layanan dari segi pengendalian aduan dan tuntutan mereka secara cepat, adil dan berkesan. • Dokumen dasar ini akan berkuatkuasa pada 6 Mei 2020, melainkan keperluan mengenai terma kontrak yang adil, yang akan berkuatkuasa mulai 6 November 2020.
Rangka Kerja Pelesenan bagi Bank Digital – Draf Dedahan	• Draf dedahan ini diterbitkan pada 27 Disember 2019 untuk perundingan awam sehingga hujung Februari 2020. • Draf dedahan ini bertujuan untuk membolehkan penubuhan bank digital yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan menangani jurang pasaran dalam segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan. • Bank digital dikehendaki mematuhi keperluan supaya mereka beroperasi dalam persekitaran yang terurus dalam tempoh tiga hingga lima tahun awal operasi. Tempoh ini berfungsi sebagai "fasa asas" untuk bank digital membuktikan kekukuhan dan daya maju operasi dan membolehkan Bank memantau prestasi dan risiko yang timbul (*attendant risk*). Pada fasa ini, bank digital akan tertakluk pada– o keperluan dana modal minimum sebanyak RM100 juta yang tidak terjejas oleh kerugian; o had ke atas jumlah aset tidak melebihi RM2 bilion; dan o keperluan pengawalseliaan yang lebih mudah berkaitan dengan kecukupan modal, mudah tunai, ujian tekanan dan keperluan penzahiran awam.

Pemetaan Tanggungjawab – Draf dedahan	• Draf dedahan ini diterbitkan pada 27 Disember 2019 dengan menetapkan cadangan Bank untuk memperjelas peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti individu yang memegang jawatan kepimpinan dalam institusi kewangan. • Draf dedahan ini bertujuan untuk– o memastikan tanggungjawab bagi fungsi utama dalam institusi kewangan diberikan kepada individu senior yang bersesuaian dalam institusi kewangan itu; o memperjelas dan memperkukuh akauntabiliti individu yang telah diberikan tanggungjawab utama; dan o menggalakkan institusi kewangan menilai dengan teliti sama ada agihan tanggungjawab kepada individu dalam pengurusan kanan adalah bersesuaian dengan amalan pengurusan risiko yang berkesan dengan mengambil kira saiz, skala dan kerumitan operasi institusi kewangan itu.
Penilaian Liabiliti Insurans dan Takaful – Draf Dedahan	• Draf dedahan yang diterbitkan pada 24 Disember 2019 ini mengandungi cadangan penambahbaikan kepada keperluan bagi penilaian liabiliti insurans dan takaful. • Draf dedahan ini merupakan salah satu daripada komponen penting dalam rangka kerja kesolvenan. Draf ini bertujuan untuk memastikan penilaian liabiliti insurans dan takaful dapat menggambarkan obligasi aliran tunai kontrak insurans dan takaful dengan tepat dan konsisten serta boleh dibandingkan antara pelbagai jenis produk dan orang berlesen.